

BORANG PERMOHONAN ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

PERKARA	BUTIRAN YANG PERLU DIISI DAN DILENGKAPKAN OLEH PEMOHON		
NAMA KUMPULAN	FINTECH INNOVATORS		
TARIKH KUMPULAN DITUBUHKAN	4/28/2024		
NAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB	JABATAN BENDAHARI		
KETUA KUMPULAN	NAMA: Lily Suriyani binti Mahadi JAWATAN: Kumpulan A dan JUSA : 41 ke atas NO. PEKERJA: EMEL: NO. TEL. BIMBIT:		
MAKLUMAT AHLI KUMPULAN <i>(senarai semua nama ahli Kumpulan (sama sepertimana dalam Kad Pengenalan))</i>	NAMA AHLI KUMPULAN	KOD JAWATAN	NO PEKERJA/MATRIK
	Muhammad Ilham bin Rahim	Penolong Akauntan W29	13591
	Norafitri binti Buradi	Penolong Bendahari Kanan W44	9608
	Nazirah binti Mohd Nazer	Pembantu Tadbir P/O N22	13404
	Nuramirah Haziqah binti Mohd Hadzil	Pembantu Tadbir (Kewangan) W19	16790
	Ahmad Riza'ain Bin Yussof	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44	8989
	Raziman Bin Zakaria	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44	11697
	Shafika Hani Binti Mohd Bakri	Pegawai Teknologi Maklumat F41	11173
	Amir Hamzah Bin Ismail	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32	11795
	Norsharina Binti Abu Bakar	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29	12145
TAJUK PROJEK YANG DICADANGKAN	Pengukuhan Proses Terimaan Hasil Pelajar Menerusi Sistem MyAIMS (Kewangan)		

BAHAGIAN 2: KRITERIA RUBRIK

	ORIGINALITY / KETULENAN
	LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/PART-2_ORIGINALITY.pdf
1	<p>Nama projek ini ialah "Pengukuhan Proses Terimaan Hasil Pelajar menerusi Sistem MyAIMS (Kewangan)" dan skop projek adalah melibatkan terimaan hasil yuran pelajar secara atas talian melalui sistem Universiti sahaja. Projek ini melibatkan perubahan yang signifikan dalam proses terimaan hasil yuran pelajar di akaun pelajar / lejar subsidiari (rekod khusus untuk setiap pelajar) dan lejar am (rekod utama untuk semua transaksi kewangan) oleh Jabatan Bendahari (pengguna).</p> <p>Sebelum inisiatif ini dilaksanakan, proses perekodan terimaan hasil dilakukan secara separa manual, kurang integrasi bersama sistem dalaman dan luar UTM dan tiada kemudahan/ciri tambahan nilai kepada pelajar (pelanggan). Namun, melalui projek ini, proses perekodan hasil yuran pelajar dilakukan sepenuhnya oleh sistem, berjaya diintegrasikan bersama sistem dalaman dan luaran serta mewujudkan kemudahan baharu yang diperlukan oleh pelanggan. Perubahan ini membolehkan proses menjadi lebih efisien, tepat, mesra pelanggan, mengurangkan risiko kesilapan dan kelewatan serta meminimalkan potensi keciciran proses dan data.</p> <p>Perubahan yang dibawa oleh projek ini memberikan beberapa sumbangan penting. Pertama, ia mempercepatkan proses perekodan hasil dalam lejar subsidiari dan lejar am, serta memastikan rekod yang dihasilkan lebih cepat dan tepat. Kedua, pendekatan proses yang lebih lean ini meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan universiti serta produktiviti dan kualiti kerja jabatan. Dengan perubahan ini, Jabatan Bendahari dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, meningkatkan kecekapan operasi dan menguatkan integriti pengurusan dan pelaporan kewangan.</p>

PROBLEM STATEMENT / PENYATAAN PERMASALAHAN

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/PART-2-PROBLEM-STATEMENT.pdf>

2.1) Aduan pelajar yang tinggi kerana akaun pelajar masih tidak kemaskini dengan real time dan masih dalam status ""Ditahan"" walaupun bayaran telah dijelaskan

Tempoh proses terimaan hasil yuran pelajar iaitu dalam masa 3 hari bekerja tidak selari dengan ekspektasi pelajar/pembayar yang mahu proses terimaan ini dilaksanakan real time. Akibatnya, pendaftaran kursus tidak dapat dilakukan oleh pelajar dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar tidak berjaya mendaftar kursus yang dikehendaki, tidak dapat menduduki peperiksaan/viva dan gagal mengakses dokumen2 akademik / perkhidmatan universiti. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana menjejaskan perjalanan pengajian pelajar dan juga menjejaskan proses dan tempoh graduasi pelajar (GOT). Di samping itu, terdapat ketidakpuasan dari pelajar atau pembayar terhadap perkhidmatan yang diterima, yang menyebabkan aduan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi seperti pihak kementerian atau kedutaan, dan hal ini boleh merosakkan reputasi universiti.

2.2) Hasil yuran pelajar antarabangsa yang dibayar melalui pindahan bank antarabangsa ke akaun bank UTM mengalami kelewatan dalam penerimaannya

Proses pindahan biasanya mengambil masa beberapa hari hingga beberapa minggu untuk diterima ke akaun bank UTM. Kelewatan ini memberikan kesan kepada:

a. Pelajar baharu - pengesahan terimaan yuran di proses pendaftaran pelajar baharu antarabangsa ditangguhkan oleh Jab Bendahari sehingga terimaan sah diterima. Masalah ini perlu segera diselesaikan kerana ianya akan menyebabkan kelewatan proses pas/visa pelajar dan memberi risiko pelanggaran peraturan Jabatan Imigresen Malaysia.

b. Pelajar Kanan dan Baharu - pendaftaran kursus tidak dapat dilakukan oleh pelajar dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar tidak berjaya mendaftar kursus yang dikehendaki, tidak dapat menduduki peperiksaan/viva dan gagal mengakses dokumen2 akademik / perkhidmatan universiti.

2.3) Teguran Audit Kewangan yang berulang kerana terimaan hasil yang didepositkan secara terus ke akaun bank UTM, tidak dapat dikenalpasti dan direkodkan dalam tempoh yang sama

Keperluan inovasi diperlukan supaya status penyata kewangan universiti kekal bersih dari Jabatan Audit Negara.

2.4) Produktiviti kerja staf yang tidak efektif dan efisien kerana proses kerja yang panjang, perlu melakukan banyak proses saringan, semakan dan pembetulan data secara manual sepanjang proses perekodan hasil boleh dilakukan di sistem

Sistem kewangan pelajar lama (AIMS2000) yang berkonsepkan client based, menyukarkan adaptasi teknologi baharu dan integrasi antara sistem. Masalah ini boleh meningkatkan backlog kerja hakiki menyebabkan staf terpaksa berkerja lebih masa seterusnya menjejaskan kesihatan fizikal dan mental, penurunan motivasi dan disiplin kerja dan mengganggu work life balance staf.

2.5) Pembaziran penggunaan sumber manusia kerana staf terpaksa memberi fokus kerja-kerja non value added iaitu menyemak dan mengambil tindakan terhadap aduan dan permohonan pelajar yang berulang

Antara contoh tindakan ialah pelepasan sekatan secara manual di sistem (perkara 2.1 di atas), penghantaran semula salinan resit rasmi kepada pelajar atas sebab resit tidak diterima/ hilang dan proses pengesahan status hutang untuk mesyuarat universiti seperti Mesyuarat Senat & JAPSU . Ianya perlu diselesaikan segera supaya tidak mengganggu tugas hakiki staf.

2.6) Tiada kemudahan disediakan kepada pelajar di akaun pelajar untuk urusan resit rasmi

Pelajar tidak mempunyai fasiliti untuk memuat turun semula salinan resit rasmi, membuat pilihan jenis yuran yang hendak dibayar dan meminda jumlah yang hendak dibayar mengikut kemampuan, selain kemudahan semakan status yuran dan kaedah pembayaran.

TECHNOLOGY / TEKNOLOGI

LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/PART-2_TECHNOLOGY-APPLICABILITY_contoh-dokumen-pembangunan-modul.pdf

"3.1) Inovasi pembayaran atas talian di akaun pelajar

Inovasi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

	<p>a) pembayaran atas talian telah diintegrasikan sepenuhnya ke dalam sistem utama universiti seperti portal MyUTM, eCommerce, MyProspect dan aplikasi UTMSmart</p> <p>b) memperkenalkan kaedah bayaran Flywire sebagai kaedah bayaran terkini universiti selain FPX dan kad kredit (VPC)</p> <p>c) pengasingan gerbang bayaran kepada 2 kategori iaitu kategori hasil umum dan hasil yuran pelajar</p> <p>d) mewujudkan kemudahan di akaun pelajar iaitu menu muat turun salinan resit rasmi, membuat pilihan jenis yuran yang hendak dibayar dan meminda jumlah yang hendak dibayar mengikut kemampuan pelajar. Lanya boleh menyelesaikan masalah seperti perkara 2.2, 2.3, dan 2.6 di atas</p> <p>3.2) Teknologi pelarasan auto (cron auto reconciled)</p> <p>Bayaran atas talian yang dibuat oleh pelajar menerusi sistem universiti akan direkodkan terimaannya di akaun pelajar oleh sistem sepenuhnya dalam jangkamasa kurang dari 30 minit. Pelaksanaan ini menggunakan teknologi pelarasan auto iaitu satu proses berasingan dari sistem utama yang akan memproses data dalam selang masa yang telah ditetapkan. Inovasi ini jauh baik dari proses lama di mana proses merekod terimaan hasil atas talian perlu menunggu tindakan Jabatan Bendahari yang memerlukan masa 3 hari bekerja. Lanya boleh menyelesaikan aduan pelajar seperti di masalah no. 2.1 dan mengurangkan kerja-kerja non-value-added staf seperti di masalah no. 2.5 di atas</p> <p>3.3) Teknologi mikro servis</p> <p>Penggunaan mikro servis bagi gerbang bayaran UTM bagi meningkatkan tahap capaian pengguna bagi proses bayaran atas talian. Konsep ini mengasingkan antaramuka sistem pada server aplikasi dan proses kerja pada server API/mikro servis. Kaedah sebelum ini tanpa pengasingan boleh menyebabkan kualiti capaian ke sistem menurun sekiranya terdapat akses yang tinggi oleh pengguna.</p> <p>3.4) Teknologi DevOps dan Agile Project Management</p> <p>Perlaksanaan pembangunan sistem MyAIMS (Kewangan) dan gerbang bayaran UTM telah menerapkan teknologi DevOps dan Agile Project Management. Konsep devops membolehkan setiap perubahan yang dibuat pada kod sumber aplikasi dimuat naik (deploy) secara auto. Implementasi ini membolehkan sebarang isu melibatkan sistem dapat disemak oleh pembangun dengan lebih cepat dan perubahan akses dapat dicapai oleh pengguna dengan pantas.</p> <p>3.5) Inovasi penjana transaksi hasil ke lejar am</p> <p>Menerusi pengasingan gerbang bayaran UTM, proses perekodan hasil yuran pelajar ke lejar am menjadi lebih cepat kerana proses saringan hasil bukan bayaran telah dihapuskan. Menerusi sistem MyAIMS Kewangan, berdasarkan proses pelarasan auto yang dilaksanakan di akaun pelajar, sistem dapat menghasilkan 'preview' transaksi perakaunan sebelum proses kelulusan ke lejar am dilaksanakan. Lanya mengurangkan masalah produktiviti kerja staf kerana proses kerja yang panjang dan manual.</p> <p>3.6) Inovasi penahanan/pelepasan sekatan pelajar</p> <p>Menerusi MyAIMS (Kewangan) & teknologi pelarasan auto cron, pelepasan sekatan hutang (status ""Ditahan'") dilaksanakan sepenuhnya oleh sistem. Pelepasan & penahanan ini menggunakan terma & syarat jenis hutang (sama ada hutang tajaan dan/atau masih dalam tempoh tajaan). Lanya dapat menghapuskan masalah 2.5 di atas"</p>
--	--

	APPLICABILITY / APLIKASI
--	---------------------------------

	LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/APPLICABILITY.pdf
--	---

4	<p>"4.1) Inovasi pembayaran atas talian</p> <p>Memberi manfaat kepada:</p> <p>a) pelajar - penjimatan kos dan masa kerana kesemua kemudahan kewangan pelajar (salinan resit, pilihan yuran yang hendak dibayar, etc) telah disediakan di akaun pelajar & boleh digunakan pada bila-bila masa.</p> <p>b) pelajar antarabangsa - kos caj bank dan untung/rugi matawang asing boleh diijamatkan melalui kaedah Flywire di mana bayaran boleh dilaksanakan dalam matawang negara mereka dan tempoh terimaan yuran ke akaun universiti adalah lebih cepat (3 hari bekerja) berbanding kaedah pindahan bank antarabangsa.</p> <p>c) Jabatan Bendahari - teguran Jab Audit Negara boleh dihapuskan berkaitan kerana deposit tidak kenalpasti kerana kaedah Flywire telah diperkenalkan.</p> <p>d) Jabatan Bendahari - Memudahkan semakan terimaan di portal Bank selepas pengasingan gerbang bayaran universiti.</p>
---	---



4.2) Inovasi teknologi pelarasan auto

Memberi manfaat kepada:

- a) pelajar - tidak perlu bimbang jika bayaran dilakukan di saat akhir kerana proses perekodan hasil di akaun pelajar lebih cepat dan tidak mengganggu perjalanan pengajian pelajar
- b) Jabatan Bendahari - menghapuskan kerja-kerja non-value-added yang boleh digunakan untuk memfokus kepada kerja-kerja penambahbaikan berterusan. Selain itu, kualiti perkhidmatan pelajar dapat ditingkatkan dengan pengurangan aduan pelajar.

4.3) Penggunaan mikroservis bagi gerbang bayaran UTM

lanya boleh meningkatkan tahap keselamatan ke sistem dengan adanya kaedah 'encryption data' yang diimplementasi ke dalam setiap API/mikroservis yang dibangunkan

4.4) Teknologi DevOps dan Agile Project Management

Di UTMD, konsep Agile Project Management turut mengurangkan masa pembangunan di mana proses-proses utama di dalam sistem dipecahkan kepada proses-proses kecil yang seterusnya boleh diserahkan kepada beberapa pembangun yang berbeza

4.5) Inovasi penjanaan transaksi hasil ke lejar am

Memfaatkan Jabatan Bendahari dengan penghasilan rekod dan pelaporan kewangan yang tepat

4.6) Inovasi penahanan/pelepasan sekatan hutang

Memberi manfaat kepada Jab Bendahari kerana dapat menghapuskan proses kerja non-value-added dan dalam masa sama meningkat kualiti perkhidmatan kewangan pelajar"

INNOVATIVENESS / INOVASI

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/INNOVATIVENESS.pdf>

"5.1) Sebelum: Pelarasan bayaran ke akaun pelajar tidak dapat dilaksanakan secara auto apabila bayaran dibuat melalui sistem kewangan lama (AIMS2000) yang berkonsepkan client based.

Selepas: Pelarasan bayaran atas talian ke akaun pelajar subsidiari pelajar dapat dilaksanakan secara automatik

5.2) Sebelum: Capaian ke sistem AIMS2000 (client based) ini hanya boleh dicapai menggunakan rangkaian UTM (intranet) dan melalui Virtual Private Network (VPN) sahaja.

Selepas: Menerusi sistem MyAIMS (Kewangan), sistem boleh dicapai melalui laman web dan boleh diakses melalui internet, di mana sahaja pengguna berada.

5.3) Sebelum: Tiada paparan draf (preview) transaksi perakaunan sebelum kelulusan dibuat.

Selepas: Sistem mampu menjana draf (preview) transaksi perakaunan sebelum kelulusan dibuat.

5.4) Sebelum: Tiada paparan mapping kod akaun di skrin sistem yang dapat difahami oleh pengguna

Selepas: Terdapat menu mapping kod akaun yang lebih mesra pengguna

5.5) Sebelum: Semakan kutipan hasil di lejar am tidak dapat disemak secara terus, pengguna perlu akses sistem lain

Selepas: Sistem MyAIMS (Kewangan) mampu memaparkan transaksi kutipan dari UTM Payment Gateway, lejar subsidiari dan lejar am tanpa perlu akses kepada sistem lain



5.6) Sebelum: Tiada salinan resit rasmi yang boleh dimuatturun oleh pelajar di sistem universiti

Selepas: Terdapat kemudahan muat turun salinan resit rasmi oleh pelajar

5.7) Sebelum: Tiada kemudahan untuk memilih yuran yang hendak dibayar atau mengubah jumlah yang hendak dibayar mengikut kemampuan pelajar

Selepas: Terdapat kemudahan untuk pelajar memilih yuran yang hendak dibayar dan/atau mengubah jumlah yang hendak dibayar.

5.8) Sebelum: Penahan/Pelepasan sekatan hutang tidak dilakukan secara sistem sepenuhnya

Selepas: Proses Penahanan/Pelepasan sekatan hutang dilakukan sepenuhnya oleh sistem dengan menggunakan terma & syarat tertentu

5.9) Sebelum: kaedah bayaran konvensional melalui pindahan bank antarabangsa menyukarkan urusan kewangan pelajar antarabangsa

Selepas: Pengenalan Flywire sebagai salah satu kaedah bayaran bagi pelajar antarabangsa di sistem-sistem universiti "

IMPACT / KESAN

LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/PART-2_INNOVATIVENESS-IMPACT.pdf

"6.1) Kesan pelarasan bayaran atas talian ke akaun pelajar dapat dilaksanakan secara automatik

- Pelajar dapat melihat status akaun pelajar dikemaskini dengan segera (dalam masa 30 minit)

6.2) Kesan sistem boleh dicapai melalui laman web dan boleh diakses melalui internet, di mana sahaja pengguna berada

- Pengguna boleh mengakses sistem di luar kampus pada bila-bila masa

6.3) Kesan sistem mampu menjana draf (preview) transaksi perakaunan sebelum kelulusan dibuat

- Pengguna boleh membuat semakan dan pembetulan sebelum proses kelulusan ke lejar am dibuat (prevention method)

6.4) Kesan terdapat menu mapping kod akaun yang lebih mesra pengguna

- Pengguna boleh menetapkan dan menyemak kod akaun yang tepat tanpa memerlukan bantuan teknikal (user self-maintenance)

6.5) Kesan MyAIMS mampu memaparkan transaksi kutipan dari UTM Payment Gateway, lejar subsidiari dan lejar am tanpa perlu akses kepada sistem lain

- Pengguna dapat memastikan transaksi kutipan hasil dapat diiktiraf dengan segera dan dalam tempoh/tahun perakaunan semasa

6.6) Kesan terdapat fasiliti muat turun salinan resit rasmi oleh pelajar

- Pelajar boleh menjana dan menyimpan salinan jika resit rasmi asal tidak diterima atau hilang

6.7) Kesan terdapat kemudahan untuk memilih yuran yang hendak dibayar atau mengubah jumlah yang hendak dibayar mengikut kemampuan pelajar

- Pelajar dapat membuat bayaran mengikut kemampuan tanpa menjejaskan tempoh pengajian dan pelajar berpenaja boleh memilih yuran yang perlu dibayar sendiri

6.8) Kesan Proses Penahanan/Pelepasan sekatan hutang dilakukan sepenuhnya oleh sistem dengan menggunakan terma & syarat sekatan hutang

- Sekatan universiti dapat dilaksanakan secara bersistem bagi pelajar yang berhutang atau mempunyai hutang bukan tajaan

- Jab Bendahari tidak perlu membuat pelepasan sekatan hutang secara manual.

6.9) Kesan Pengenalan Flywire sebagai salah satu kaedah bayaran universiti bagi pelajar antarabangsa



	<p>- Pelajar antarabangsa mudah membuat bayaran ke universiti menggunakan matawang negara mereka, lebih cepat diterima oleh universiti dan menikmati penjimatan kos dari caj bank dan untung/rugi matawang asing.</p> <p>- Jabatan Bendahari boleh menurunkan bilangan deposit tidak dikenalpasti di akaun bank UTM"</p>
	<p>TEAMWORK / KERJASAMA PASUKAN</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Carta.pdf</p> <p>Keperluan diperolehi melalui pelbagai mesyuarat, perbincangan dan temubual dengan pengguna. Berbagai platform komunikasi telah digunakan dalam mengumpul keperluan daripada staf termasuk telefon, applikasi whatsapp, e-mel, perjumpaan mingguan dan bengkel.</p> <p>Staf terlibat :</p> <p>7.1) Project Director - UTMDigital</p> <p>- memantau pencapaian projek dan melaporkan kepada pihak pengurusan UTM)</p> <p>7.2) Project Manager - UTMDigital</p> <p>- menentukan perancangan projek berjalan seperti yang dirancang dan mengagihkan tugas kepada setiap ahli teknikal</p> <p>7.3) System Analyst - UTMDigital</p> <p>menyediakan dokumen keperluan pengguna secara berkomputer termasuk proses kerja dan rekabentuk pengguna</p> <p>7.4) Project Developer - UTMDigital</p> <p>- membangunkan antaramuka pengguna dan aturcara sistem mengikut keperluan yang telah ditentukan</p> <p>7.5) Project Owner - Seksyen Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari</p> <p>- memberi input keperluan pengguna dan proses kerja semasa</p> <p>7.6) Project Tester - UTMDigital dan Seksyen Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari</p> <p>- melaksanakan ujilari sistem setelah dibangunkan dan memberi input penambahbaikan atau ralat yang perlu diperbaiki sekiranya ada</p>
8	<p>POTENTIAL MARKET / KEBOLEHPASARAN</p> <p>LAMPIRAN :</p> <p>Buat masa ini, Jabatan Bendahari tidak berhasrat untuk memasarkan modul Batch Processing Online Payment di Sistem MyAIMS ini. Namun begitu, Jabatan Bendahari dengan kerjasama UTMD sedang dan akan terus membuat penambahbaikan berterusan terhadap modul-modulnya. Oleh itu, jika terdapat potensi untuk dipasarkan di masa hadapan, Jabatan Bendahari bersedia mengambil peluang tersebut untuk menjana pendapatan Universiti.</p>
9	<p>COMMERCIALIZATION PLAN / PERANCANGAN PENGKOMERSILAN</p> <p>LAMPIRAN :</p> <p>Buat masa ini, Jabatan Bendahari tiada perancangan pengkomersilan untuk sistem ini.</p>

BAHAGIAN 3 : ISES ELEMENT / ELEMEN ISES

1	<p>INTEGRITY / INTEGRITI</p> <p>LAMPIRAN :</p>
---	--



1. INTEGRITY

Kawalan dalaman yang ditetapkan di dalam sistem MyAIMS membantu untuk mengawal dan mengukuhkan integriti seperti:

- 1.1) Sistem ID berpusat
- 1.2) Tahap capaian pengguna (ACL)
- 1.3) Integrasi 'payment gateway' UTM dengan pihak bank dan sistem Flywire - untuk pastikan status terimaan yang sah sahaja diproses
- 1.4) Proses Inkuiri - kemaskini status bagi kutipan yang tidak berjaya berdasarkan arahan dari pihak Bendahari sahaja, dilakukan oleh pihak UTMD"

2. SUSTAINABILITY

- "2.1) Implementasi bayaran atas talian telah mengurangkan interaksi staf kaunter dan pelajar dan membolehkan pengurangan kos cetakan dan penggunaan kertas (paperless)
- 2.2) Rekabentuk proses kerja yang terkini membolehkan proses semakin dan kelulusan lebih pantas serta semakin yang lebih detail. Tambahbaik ini boleh mengurangkan masa yang diperuntukkan bagi menyelesaikan sesuatu tugas dan seterusnya memberikan kesejahteraan kepada staf kerana tidak perlu bekerja lebih masa
- 2.3) Pembangunan sistem ini mengambilkira keperluan dari pihak fakulti bagi membolehkan peranan mereka sebagai frontliner bagi urusan kewangan pelajar di fakulti dipertingkatkan
- 2.4) Pembangunan sistem secara in-house oleh pihak UTMDigital tidak memerlukan kos tambahan bagi perkakasan dan cuma memerlukan kos yang minimum bagi lantikan staf kontrak bagimembantu mempercepatkan proses pembangunan sistem
- 2.5) Sistem yang dibangunkan berasaskan web boleh dicapai setiap masa melalui rangkaian Internet dan tidak memerlukan aktiviti tambahan seperti instalasi perisian atau tambahan perkakasan di pihak pengguna
- 2.6) Konsep pembangunan secara 'agile' dapat mempercepatkan penghasilan output pembangunan kepada pengguna dan seterusnya mengurangkan kos masa dan tenaga staf. Setiap bahagian utama di dalam modul dipecahkan kepada beberapa bahagian dan tugas diagihkan kepada beberapa staf
- 2.7) Pelajar dapat mencapai ke laman bayaran atas talian pada setiap masa dan dapat meningkatkan amaun terimaan hasil universiti. Dengan ada peningkatan hasil, universiti dapat menyalurkan peruntukan kepada aktiviti-aktiviti utama dalam universiti seperti pembangunan dan penyelidikan."

3. EXCELLENT

- "3.1) Kelancaran proses pembayaran yang dilakukan, dimana ia memudahkan proses pengurusan perekodan maklumat, reconcile transaksi dan juga penyampaian maklumat kepada pengguna bagi proses yang telah berjaya.
- 3.2) Peningkatan Pendapatan universiti daripada kemudahan sistem pembayaran, dimana pengguna boleh melakukan bayaran dengan mudah melalui pelbagai platform samada melalui aplikasi mobile phone atau aplikasi atas talian
- 3.3) Selaras dengan penggunaan teknologi terkini iaitu pembayaran melalui kad kredit, FPX dan juga Flywire. "

4. SYNERGY

"Dalam membangunkan sistem MyAIMS, pelbagai bentuk kerjasama yang telah dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunannya. Bentuk kerjasama dan sinergi boleh dilihat dari tiga perspektif iaitu:

- 4.1) Sinergi Dalaman UTM
 - a) Jabatan Bendahari dengan UTM Digital - urusan pembangunan sistem
 - b) Jabatan Bendahari dengan Jabatan TNC (A&A) - urusan polisi & peraturan akademik
 - c) Jabatan Bendahari dengan Jabatan Pendaftar - urusan pentadbiran akademik



d)	Jabatan Bendahari dengan Jabatan TNC (Pembangunan) - urusan kediaman pelajar
4.2) Sinergi Luaran	
a)	Kerjasama dengan pihak bank - bank komersial di Malaysia
b)	Kerjasama dengan pihak Flywire - urusan kutipan hasil pelajar luar negara
c)	Kerjasama dengan penyedia perkhidmatan bayaran atas talian - Payment Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)
d)	Kerjasama dengan penyedia perkhidmatan kredit - Mastercard
4.3) Sinergi Antara Sistem	
a)	Sistem Pay2UTM - gerbang kutipan hasil
b)	Pelbagai portal Universiti - MyUTM, UTMSmart, e-Commerce, MyProspect
c)	Sistem UTMFin - migration data ke lejar am
d)	Sistem MyAIMS Akademik - urusan pengajian pelajar
e)	Sistem iConvo - urusan graduasi pelajar
f)	Sistem UTMTrAS - urusan graduasi pelajar
g)	Sistem GSMS - urusan pelajar pascasiswazah
h)	Sistem Flywire - urusan penerimaan kutipan pelajar luar negara
i)	Portal perbankan internet - Bank Islam (M) Bhd, CIMB Bank

BAHAGIAN 4 : INNOVATION CONTRIBUTION MATRIX / MATRIK SUMBANGAN INOVAS

IMPROVEMENT OF PROCESS / PENAMBAHBAIKAN PROSES	
1	<p>UNIVERSITY LEVEL</p> <p>Inovasi ini mentransformasi dan mengukuhkan proses terimaan hasil yuran pelajar secara keseluruhan supaya menjadi lebih cekap dan 'lean' dengan menggunakan inovasi teknologi (MyAIMS (Kewangan), gerbang bayaran, portal universiti). Jabatan Bendahari dapat memberi pengalaman yang lebih baik kepada pelajar (student experience) dalam urusan perkhidmatan kewangan pelajar dan dalam masa yang sama, dapat memantapkan pengurusan dan operasi hasil universiti. Ia juga dapat membantu proses pembuatan keputusan yang lebih cepat dan cekap terutama dari perspektif pengurusan hasil UTM.</p>
IMPROVEMENT OF INCOME GENERATION / PENINGKATAN PENDAPATAN	
2	<p>STATE LEVEL</p> <p>Inovasi ini dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan universiti dan mengurangi kebergantungan UTM kepada geran kerajaan kerana hasil dapat diiktiraf, direkod dan dilapor dengan lebih cepat dan berstruktur. Lebih dana yang dikumpul dari yuran boleh dilaburkan dan digunakan semula untuk membiayai projek-projek pembangunan & infrastruktur universiti, yang juga dapat memacu pertumbuhan ekonomi komuniti di sekitar UTM, negeri Johor dan seterusnya di peringkat negara. Penggunaan teknologi dalam pengurusan hasil dapat mengurangkan kos operasi dan meningkatkan efisiensi. Penghematan kos ini boleh digunakan untuk tujuan lain yang meningkatkan ekonomi dan masyarakat.</p>
IMPROVEMENT OF WELL- BEING / PENINGKATAN KESEJAHTERAAN	
3	<p>STATE LEVEL</p> <p>Penggunaan teknologi yang membantu menjadikan proses lebih 'lean' juga memberi kesan positif kepada keseimbangan 'work-life' staf yang terlibat. Proses yang boleh dilaksanakan dengan lebih cepat dapat membantu staf memaksimumkan masa bekerja di</p>



		pejabat tanpa perlu menghabiskan masa di luar waktu pejabat dengan beban tugas yang berpanjangan. Staf boleh menumpukan masa dan tenaga kepada keluarga dan ini akan memberikan kegirangan dan kepuasan bekerja yang lebih tinggi kepada staf.
	IMPROVEMENT OF SOCIO - ECONOMIC / PENINGKATAN SOSIO EKONOMI	
4	STATE LEVEL	"Lebih dana dari pengurusan hasil yang baik oleh Universiti boleh digunakan untuk meningkat kualiti pendidikan negara, penciptaan peluang perniagaan dan pekerjaan yang secara langsung meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memacu pembangunan negara. Pengurusan hasil yang cekap dan baik membolehkan universiti untuk menyediakan lebih banyak bantuan kewangan, biasiswa, dan bantuan kepada pelajar yang memerlukan. Ini membuka peluang pendidikan tinggi bagi lebih ramai individu termasuk mereka dari latar belakang yang kurang mampu dan meningkatkan kesetaraan sosial.

PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN

PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

(Diisi oleh pemilik utama projek)

Nama: ENCIK ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH @ AHMAD
Email: bakars@utm.my
Tandatangan & cop:
(Ketua PTJ)

Tarikh:

PERAKUAN PERMOHONAN

Semua maklumat yang diisi adalah benar, pihak BPO berhak menolak permohonan pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.

Nama: LILY SURIAYANI BINTI MAHADI
Email:
Tandatangan & cop:
(Ketua Kumpulan)

Tarikh: 4/30/2024